

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

PLG 212 - Kaedah Mengajar Matematik I

Tarikh: 31 Oktober 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Jawab semua soalan Bahagian A dan 1 (satu) soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (Jawab semua soalan)

1. Dalam usaha meningkatkan pengajaran matematik supaya lebih berkesan dan mudah dipelajari, Zoltan P. Dienes telah mengemukakan suatu sistem pengajaran konsep matematik.

- a) Apakah pendapatnya tentang pengajaran konsep matematik? Beri alasan-alasannya untuk mendukung pendapat itu.
- b) Jelaskan bagaimana pendapatnya tentang tahap-tahap pengajaran dan pembelajaran matematik.

(34 markah)

2. a) Beri penjelasan tentang perbezaan di antara objektif dalaman (implisit) dan objektif tingkah laku. Berikan masing-masing sebuah contoh dalam pengajaran matematik.

- b) Huraikan apakah pendapat anda mengenai objektif pengajaran yang berikut:

"Di akhir pengajaran murid-murid akan dapat menguasai cara-cara penyelesaian persamaan kuadratik".

(34 markah)

BAHAGIAN B (Pilih satu soalan sahaja)

3. Implikasi transitif (the transitivity of implication) adalah salah satu di antara cara-cara pembuktian yang digunakan dalam matematik.

- a) Huraikan bagaimana cara pembuktian implikasi transitif dilakukan.
- b) Berikan dua contoh pembuktian dengan menggunakan cara di atas.

(32 markah)

4. Beri huraian mengenai "Kaedah Perbincangan". Huraian harus meliputi perkara-perkara yang berikut:

- a) Pengertian
- b) Kesesuaian kaedah ini untuk pengajaran matematik
- c) Langkah-langkah penggunaan
- d) Peranan guru
- e) Kebaikan dan kelemahan

(32 markah)

-ooo00ooo-